

19 AUG 1998

APEC-SPEKULASI/I

APEC DIGESA BERI MESEJ KERAS KEPADA SPEKULATOR MATAWANG

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang akan diadakan di sini November ini harus memberikan mesej keras kepada dunia dan spekulator matawang bahawa seluruh Asia bersatu dalam pendiriannya untuk menangani krisis ekonomi ini, kata pegawai kanan Jepun hari ini.

"Inilah mesej yang harus dihantar kepada dunia untuk menghapuskan spekulasi matawang. Jika kita berkata Asia tidak bersatu, spekulator akan menyerang kita," kata Naib Menteri Hal-Ehwal Antarabangsa di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun, Hisamitsu Arai.

Bercakap kepada pemberita selepas menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, di sini, Arai berkata adalah penting bagi pemimpin-pemimpin Apec di bawah pengerusi sesi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak itu mencapai persetujuan mengenai mesej itu.

"Jika pemimpin-pemimpin utama bersetuju, kemudian kita boleh menggerakkan dana dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) atau Bank Pembangunan Asia," tambahnya.

Penyatuan adalah penting atau Asia akan berada dalam kucar-kacir akibat kesan jangkitan krisis ini, katanya dan menambah bahawa Rusia telah menjadi mangsa terakhir dan terpaksa menurunkan matawang roublesnya.

Arai berkata beliau telah berbincang dengan Rafidah mengenai cara-cara untuk melaksanakan pakej AS\$43 bilion Jepun secara berkesan untuk menangani krisis ekonomi dan langkah-langkah untuk menstabilkan tukaran asing.

Rafidah, tambahnya, juga meminta Jepun menimbangkan penggunaan yen dan ringgit bagi penyelesaian perdagangan.

"Saya akan menyerahkannya kepada kerajaan. Jepun akan mengkaji cadangan Malaysia ini dengan serius," kata Arai, yang diberikan taklimat oleh Rafidah mengenai aturan yang serupa yang telah diadakan antara Malaysia dengan Filipina dan Thailand. -- BERNAMA

TCL JR OS